

AKTA KEUPAYAAN MENTAL:

PANDUAN PENERIMA KUASA

BAHAGIAN A	APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APA YANG PERLU SAYA KETAHUI?	04
A1.	Apa itu keupayaan mental?	04
A2.	Apa itu Akta Keupayaan Mental dan mengapa ia penting?	05
A3.	Tata Amalan	06
A4.	Surat Kuasa Berkekalan	06
BAHAGIAN B	APAKAH TUGAS PEJABAT PENJAGA AWAM?	08
B1.	Penjaga Awam	08
B2.	Fungsi Penjaga Awam	08
B3.	Pejabat Penjaga Awam	09
B4.	Peranan Lembaga Pelawat	09
BAHAGIAN C	APA YANG BERLAKU APABILA SAYA DILANTIK SEBAGAI PENERIMA KUASA?	10
C1.	Apakah dua jenis Penerima Kuasa?	10
C2.	Penerima Kuasa kebajikan diri	10
C3.	Apakah yang boleh dan tidak boleh saya lakukan sebagai Penerima Kuasa kebajikan diri?	12
C4.	Sekatan lain	14
C5.	Apakah keputusan yang dikecualikan?	15

C6. Bila kuasa saya sebagai Penerima Kuasa kebajikan diri berakhir?	16
C7. Penerima Kuasa harta & urusan	16
C8. Apakah yang boleh dan tidak boleh saya lakukan sebagai Penerima Kuasa harta & urusan?	17
C9. Bila kuasa saya sebagai Penerima Kuasa harta & urusan berakhir?	19
C10. Soalan lain	20
C11. Bagaimana seorang Penerima Kuasa seharusnya membuat keputusan dan bertindak?	20
C12. Bagaimana saya akan dilindungi sebagai Penerima Kuasa?	21

BAHAGIAN D APAKAH KEPUTUSAN YANG BOLEH SAYA BUAT SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA? 22

D1. Apakah keputusan yang perlu saya buat dan bilakah saya perlu membuatnya?	22
D2. Bagaimana saya tahu bila harus mengambil langkah untuk membuat keputusan?	22
D3. Pertimbangkan sebarang Perancangan Penjagaan Awal (ACP) yang telah dilakukan oleh Pemberi Kuasa.	23
D4. Bagaimana saya boleh mempergunakan lima prinsip berkanun?	23

BAHAGIAN E APA YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN? 29

E1. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku pertikaian?	29
---	----

BAHAGIAN F DI MANA SAYA BOLEH DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT? 32

GLOSORI 33

Buku ini memberi panduan kepada anda jika anda dilantik untuk mengambil peranan sebagai Penerima Kuasa. Ia akan memberi anda gambaran keseluruhan tentang kuasa, tugas dan tanggungjawab anda sebagai Penerima Kuasa.

Sebagai Penerima Kuasa, anda bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan untuk diri mereka sendiri.

Jika anda mengalami kesulitan atau kerumitan dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan isu kewangan, rawatan perubatan, atau hal kebajikan peribadi, kami mencadangkan agar anda mendapatkan nasihat undang-undang dan/atau nasihat profesional lain.

Senario dan contoh dalam panduan ini adalah untuk ilustrasi sahaja. Watak-watak dan situasi yang digunakan hanya rekaan semata-mata. Ia tidak boleh dianggap sebagai pengganti nasihat profesional dalam kes-kes yang berkaitan dan tidak boleh diambil sebagai keutamaan bagi keputusan yang perlu dibuat dalam situasi yang serupa. Ia juga tidak boleh dianggap sebagai rujukan dalam bagaimana mahkamah memutuskan sesuatu kes, kerana ia bergantung kepada fakta sebenar setiap kes yang dikemukakan di hadapan mahkamah, yang mungkin melibatkan fakta-fakta berkaitan yang tidak dipertimbangkan dalam contoh di atas.

SEBELUM KITA MULAKAN

BAHAGIAN A

APAKAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APA YANG PERLU SAYA KETAHUI?

A1. APA ITU KEUPAYAAN MENTAL?

Keupayaan mental adalah kemampuan seseorang untuk membuat keputusan tertentu pada sesuatu waktu tertentu.

Keupayaan mental dinilai berdasarkan keadaan kes masing-masing dan andaian tidak boleh dibuat berdasarkan penyakit yang seseorang itu hidapi. Tambahan pula, kurang keupayaan mental seseorang itu tidak boleh berdasarkan hanya pada:

- umur;
- Penampilan – ini termasuk ciri-ciri fizikal keadaan tertentu (contohnya, ciri-ciri yang berkaitan dengan Sindrom Down atau kekejangan otot yang disebabkan oleh cerebral palsy) serta aspek penampilan seperti cara berpakaian atau keadaan kebersihan;
- keadaan - ini termasuk kecacatan fizikal, kecacatan intelektual, penyakit berkaitan usia atau keadaan sementara seperti kemabukan; atau
- tingkah laku - ini mungkin termasuk tingkah laku yang kelihatan luar biasa kepada orang lain, contohnya, mengayun ke depan dan ke belakang, bercakap dengan diri sendiri, atau ketawa yang tidak kena. Ia juga merangkumi tingkah laku yang terlalu ekstrovert, contohnya, berteriak dan memberi isyarat, dan tingkah laku yang bersifat pendiam seperti enggan bercakap atau mengelak daripada memandang orang.



A2. APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN MENGAPA IA PENTING?

Akta Keupayaan Mental (Akta) membolehkan seseorang merancang lebih awal dan memberi mereka kuasa untuk membuat pilihan bagi masa depan mereka sebelum mereka hilang keupayaan mental. Ia juga menghuraikan tentang keperluan untuk membuat keputusan bagi mereka yang berusia 21 tahun ke atas apabila mereka kurang keupayaan mental untuk membuat keputusan bagi diri mereka sendiri.

Akta ini juga:

- a. membolehkan seseorang itu membuat Surat Kuasa Berkekalan (LPA) untuk melantik seorang atau lebih Penerima Kuasa agar dapat membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka sekiranya dan apabila mereka kurang keupayaan mental di masa hadapan;
- b. membolehkan mahkamah melantik seorang Timbalan untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental jikalau keputusan perlu dibuat tetapi tidak terdapat timbalan untuk membuat keputusan itu;
- c. membenarkan ibu bapa yang mempunyai anak yang kurang upaya intelek untuk memohon kepada mahkamah supaya mereka dilantik sebagai timbalan anak mereka serta melantik seorang lagi sebagai Pengganti Timbalan sekiranya ibu bapa tadi meninggal dunia atau hilang keupayaan mental mereka sendiri;
- d. memberi perlindungan perundangan kepada sesiapa yang menjaga dan merawat seseorang yang kurang keupayaan mental, mengikut syarat-syarat tertentu yang dikenakan, termasuk syarat yang menghendaki tindakan itu dilakukan demi kepentingan orang tersebut;
- e. memberi perlindungan kepada mereka yang kurang keupayaan mental;
- f. mempunyai lima prinsip berkanun yang mesti dipatuhi oleh sesiapa yang membuat keputusan atau mengambil tindakan untuk seseorang yang kurang keupayaan; dan
- g. membolehkan ahli profesional berdaftar menyediakan perkhidmatan timbalan dan penerimaan kuasa untuk bayaran tertentu.

Seseorang itu mungkin berupaya untuk membuat keputusan pada sesuatu waktu tertentu, tetapi tidak pada waktu yang lain. Contohnya, seseorang itu boleh ke pasar dan membeli makanan, tetapi dia tidak boleh menguruskan wang yang banyak atau membuat keputusan dalam urusan pelaburan. Keupayaan mental boleh meningkat atau merosot dari masa ke masa.

A3. TATA AMALAN

Tata Amalan bertujuan untuk menjelaskan Akta Keupayaan Mental. Ia memberikan penjelasan lanjut tentang bagaimana Akta ini boleh diguna pakai.

Ia membantu orang ramai untuk:

- memahami peranan dan tanggungjawab mereka di bawah Akta tersebut;
- memahami langkah-langkah yang boleh mereka ambil untuk mempersiapkan diri mereka jika mereka kehilangan keupayaan pada masa depan;
- memahami prinsip yang akan digunakan semasa menjaga orang yang kehilangan keupayaan mental.

Tata Amalan adalah panduan amalan yang berkesan untuk semua yang perlu berinteraksi dengan orang yang kehilangan keupayaan mental. Ini termasuk mereka yang berada di bawah tugas rasmi untuk memberi penjagaan, seperti para profesional dan penjaga berbayar serta penjaga tidak formal, seperti keluarga dan rakan-rakan orang yang kehilangan keupayaan.

Individu berikut perlu mempertimbangkan Tata Amalan apabila bertindak untuk seseorang yang tidak mempunyai keupayaan mental:

- a. Penerima Kuasa LPA;
- b. Timbalan yang dilantik oleh mahkamah;
- c. Orang yang bertindak dalam kapasiti profesional, contohnya, peguam, profesional penjagaan kesihatan, akauntan, krew ambulans; dan
- d. Orang yang bertindak untuk ganjaran, contohnya, penjaga berbayar, ahli terapi.

Semua panduan dalam Tata Amalan perlu diikuti.

A4. SURAT KUASA BERKEKALAN (LPA)

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) adalah dokumen yang sah di sisi undang-undang yang membolehkan seorang yang berumur 21 tahun ke atas (Pemberi Kuasa), dan ada keupayaan mental, untuk melantik secara sukarela satu orang atau lebih (Penerima Kuasa), untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihaknya mengenai hal-hal kebajikan, harta benda & urusan penting atau kedua-duanya apabila dia tidak mempunyai keupayaan mental untuk membuat keputusan tersebut pada masa akan datang.

Tidak seperti Surat Kuasa lain yang secara amnya tidak lagi berkuat kuasa apabila Pemberi Kuasa hilang keupayaan mentalnya, LPA berkuat kuasa apabila Pemberi Kuasa kehilangan keupayaan. LPA membolehkan individu merancang kemungkinan kejadian sedemikian.

Terdapat dua borang LPA berbeza yang ditetapkan untuk memenuhi keperluan individu:

1. Borang LPA 1 kebanyakannya mengandungi kotak pilihan bagi Pemberi Kuasa memberikan kuasa am kepada Penerima Kuasa mereka dengan pilihan untuk memilih syarat asas atau sekatan kepada kuasa ini. Borang ini boleh diisi sendiri oleh Pemberi Kuasa.
2. Borang LPA 2 kebanyakannya mengandungi ruangan teks bebas di mana individu boleh menentukan kuasa mengikut keperluan mereka. Borang ini perlu digubal oleh peguam.

LPA akan dibuat oleh Pemberi Kuasa apabila dia mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, kuasa yang diberikan di bawah LPA kepada Penerima Kuasa tidak akan berkuat kuasa sehingga Pemberi Kuasa kehilangan keupayaan mental.

LPA merangkumi keputusan mengenai:

- a. perkara kebajikan diri (membenarkan keputusan mengenai penjagaan, tempat tinggal, dll.), dan
- b. urusan harta & hal ehwal (membenarkan Penerima Kuasa membuat keputusan mengenai urusan dengan bank, hal ehwal Tabung Simpanan Pekerja, penjualan harta, dll).

Selepas LPA didaftarkan, LPA berdaftar boleh dilihat di OPG Online (OPGO) oleh Pemberi Kuasa dan Penerima Kuasa.

Berurusan dengan pihak ketiga bagi pihak Pemberi Kuasa

Untuk melakukan transaksi dengan organisasi pihak ketiga seperti bank dan hospital bagi pihak Pemberi Kuasa, Penerima Kuasa harus terlebih dahulu menyatakan bahawa Pemberi Kuasa mempunyai kekurangan keupayaan mental seperti yang disahkan oleh seorang doktor perubatan, dan menghantar LPA yang didaftarkan secara elektronik yang dilindungi kata laluan ke organisasi tersebut melalui OPG Online (OPGO).

Semua LPA yang didaftarkan sebelum pelancaran OPGO akan tersedia di OPGO. Penerima Kuasa dan pihak ketiga masih boleh bergantung kepada LPA yang didaftarkan dalam bentuk salinan cetak yang sedia ada untuk tujuan transaksi bagi pihak Pemberi Kuasa selepas pelancaran OPGO. Walau bagaimanapun, hanya LPA yang didaftarkan di OPGO akan mempunyai kemas kini terkini. Oleh itu, Penerima Kuasa perlu menghantar LPA berdaftar dengan kemas kini terkini kepada pihak ketiga melalui OPGO, dan bukannya menggunakan LPA yang didaftarkan dalam bentuk salinan cetak.

BAHAGIAN B

APAKAH TUGAS PEJABAT PENJAGA AWAM?

B1. PENJAGA AWAM

Penjaga Awam bertugas melindungi maruah dan kepentingan individu yang kurang keupayaan mental dan lemah. Penjaga Awam adalah ketua Pejabat Penjaga Awam (OPG).

B2. FUNGSI PENJAGA AWAM

Penjaga Awam menjalankan pelbagai fungsi dengan meringankan beban dan melindungi orang yang kurang keupayaan.

Fungsi-fungsi ini termasuk:

- a. mengekalkan daftar untuk Surat Kuasa Berkekalan dan daftar perintah mahkamah yang melantik Timbalan;
- b. menyelia Timbalan;
- c. menerima laporan daripada Timbalan; dan
- d. menyiasat sebarang dakwaan pelanggaran pada mana-mana syarat dalam Akta Keupayaan Mental, termasuk aduan mengenai cara Penerima Kuasa dan Timbalan menggunakan kuasa mereka.

B3. PEJABAT PENJAGA AWAM (OPG)

- OPG menyokong Penjaga Awam dalam menjalankan tugasnya.
- OPG adalah jabatan dalam Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

B4. PERANAN LEMBAGA PELAWAT

Lembaga Pelawat adalah dikehendaki:

- melawat orang-orang yang kurang keupayaan, Penerima Kuasa atau Timbalan, seperti yang diarahkan oleh Penjaga Awam atau mahkamah, dan
- memantau kesejahteraan mereka yang kurang keupayaan.

Terdapat dua jenis pelawat:

- a. Pelawat Khas – yang merupakan pakar perubatan berdaftar atau orang yang mempunyai kepakaran yang berkaitan tentang kecacatan, atau gangguan dalam fungsi minda atau otak, dan
- b. Pelawat Am – yang tidak perlu berkelayakan dari segi perubatan.



BAHAGIAN C

APA YANG BERLAKU APABILA SAYA DILANTIK SEBAGAI PENERIMA KUASA?

C1. APAKAH DUA JENIS PENERIMA KUASA?

Pemberi Kuasa bagi Surat Kuasa Berkekal (LPA) boleh memberi kuasa kepada Penerima Kuasa untuk membuat keputusan mengenai:

- kebajikan diri (termasuk keputusan penjagaan kesihatan) dan/atau
- harta & urusan (termasuk perkara kewangan).

C2. PENERIMA KUASA KEBAJIKAN DIRI

Seorang Penerima Kuasa kebajikan diri mestilah individu yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun untuk menandatangani LPA.

Penerima Kuasa mestilah seorang individu, contohnya, "Fiona Fernandez", dan bukan jawatan, contohnya, "peguam saya". Syarikat atau perniagaan tidak boleh dilantik sebagai Penerima Kuasa kebajikan diri.

Apakah kuasa, tugas, dan tanggungjawab saya?

Secara umum, seorang Penerima Kuasa kebajikan diri membantu membuat keputusan bagi pihak Pemberi Kuasa berkenaan dengan perkara seperti tempat tinggal Penderma dan aktiviti hariannya.

Jenis keputusan dan tindakan yang boleh dibuat oleh Penerima Kuasa kebajikan diri termasuk:

- di mana Pemberi Kuasa harus tinggal;
- dengan siapa Pemberi Kuasa harus tinggal bersama;
- keputusan penjagaan harian (contohnya, apa yang harus dipakai dan dimakan);
- aktiviti sosial yang mana harus disertai;
- mengendalikan surat-menyurat peribadi Pemberi Kuasa; dan
- dengan siapa Pemberi Kuasa harus berhubung.

Senarai di atas mengandungi beberapa contoh jenis keputusan dan tindakan yang boleh dibuat oleh Penerima Kuasa kebajikan diri tetapi ia bukan senarai lengkap.

C3. APA YANG BOLEH DAN TIDAK BOLEH SAYA LAKUKAN SEBAGAI PENERIMA KUASA KEBAJIKAN DIRI?

Boleh lakukan

Semua Penerima Kuasa memainkan peranan penting dalam melaksanakan tugas mereka di bawah LPA. Ini melibatkan kedua-dua Penerima Kuasa kebajikan diri dan harta & urusan.

Anda mesti:

- mengikut prinsip berkanun;
- bertindak demi kepentingan terbaik Pemberi Kuasa;
- mengambil kira panduan dalam Tata Amalan;
- melaksanakan arahan Pemberi Kuasa dan membuat keputusan dalam skop kuasa yang diberikan oleh LPA;
- melaksanakan tugas dengan berhati-hati dan kemahiran yang wajar;
- bertindak dengan suci hati;
- menghormati kerahsiaan; dan
- menyimpan rekod.

Tidak boleh lakukan

Berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu diingati oleh Penerima Kuasa:

- jangan mengambil kesempatan daripada kedudukan anda untuk kepentingan diri sendiri;
- jangan menyerahkan kuasa anda kepada orang lain; dan
- jangan melepaskan peranan tanpa memaklumkan kepada Pemberi Kuasa dan OPG.

Anda harus merujuk kepada perenggan 8.5 Tata Amalan untuk panduan lebih lanjut mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seorang Penerima Kuasa.

Jika Pemberi Kuasa telah membuat Arahan Perubatan Awal (AMD) mengikut Akta Arahan Perubatan Awal semasa beliau masih mempunyai keupayaan, pihak doktor perlu mematuhi AMD tersebut.

C4. SEKATAN LAIN

Anda hanya boleh membuat keputusan bagi pihak Pemberi Kuasa jika Pemberi Kuasa kekurangan keupayaan, atau jika anda percaya secara wajar bahawa Pemberi Kuasa kekurangan keupayaan untuk membuat keputusan tersebut. Untuk melindungi Pemberi Kuasa, undang-undang tidak membenarkan anda membuat sebarang keputusan berikut bagi pihak Pemberi Kuasa:

Sekatan Perubatan

- Anda tidak boleh memberi atau menolak persetujuan terhadap pelaksanaan atau penyambungan rawatan oleh seseorang yang menyediakan penjagaan kesihatan (termasuk penyelidikan klinikal) kecuali jika Pemberi Kuasa menyatakan ini dengan jelas dalam LPA.
- Anda tidak boleh membuat keputusan mengenai pelaksanaan atau penyambungan:
 - rawatan penjagaan hayat ke atas Pemberi Kuasa, sama ada ia merupakan rawatan penjagaan hayat yang luar biasa menurut erti kata seksyen 2 Akta Arahan Perubatan Awal, atau
 - mana-mana rawatan lain ke atas Pemberi Kuasa di mana seseorang yang menyediakan penjagaan kesihatan secara wajar percaya ia adalah diperlukan untuk mencegah kemerosotan serius pada kesihatan Pemberi Kuasa.

Para doktor, yang tertakluk kepada tugas profesional mereka untuk memutuskan apa yang terbaik untuk kepentingan pesakit, akan membuat keputusan-keputusan ini.

Penggunaan penahanan

Penahanan adalah penggunaan, atau ancaman untuk menggunakan, kekerasan oleh Penerima Kuasa atau seseorang yang diberi kuasa oleh Penerima Kuasa untuk memastikan pelaksanaan suatu tindakan yang ditentang oleh Pemberi Kuasa, atau menghadkan kebebasan Pemberi Kuasa untuk bergerak, sama ada dia menentang atau tidak.

Sesuatu tindakan boleh dianggap sebagai penahanan walaupun kekerasan fizikal sebenar atau ancaman kekerasan fizikal tidak digunakan.

Anda tidak boleh menggunakan penahanan kecuali:

- anda secara wajar percaya bahawa tindakan penahanan adalah diperlukan untuk mengelak Pemberi Kuasa daripada mengalami kecederaan, dan
- tindakan penahanan itu adalah tindakan yang berkadar (seimbang) dengan kemungkinan Pemberi Kuasa akan mengalami kecederaan dan keparahan daripada kecederaan tersebut.

C5. APA ITU KEPUTUSAN YANG DIKECUALIKAN?

Akta ini tidak membenarkan keputusan tertentu dibuat bagi pihak seseorang yang kekurangan keupayaan mental.

Keputusan tersebut adalah:

a	memberi izin untuk berkahwin
b	memberi izin untuk menyentuh secara seksual
c	memberi izin untuk bercerai berdasarkan pemisahan selama tiga tahun
d	memberi izin untuk membuat satu perintah pengambilan anak angkat
e	menganuti atau meninggalkan agama
f	menerima rawatan untuk perubahan jantina
g	bersetuju atau membatalkan persetujuan rawatan untuk pemandulan
h	bersetuju atau membatalkan persetujuan untuk menggugurkan kandungan
i	mendaftar atau menarik balik bantahan untuk pemindahan organ daripada sesiapa yang meninggal dunia
j	membuat atau membatalkan Arahan Perubatan Awal
k	menyerah atau membatalkan penyerahan tubuh atau mana-mana bahagian tubuh

C6. BILA KUASA SAYA SEBAGAI PENERIMA KUASA KEBAJIKAN DIRI BERAKHIR?

Pelantikan anda akan dibatalkan sekiranya:

- Pemberi Kuasa atau anda meninggal dunia;
- perkahwinan antara Pemberi Kuasa dan anda dibubarkan atau dibatalkan melainkan LPA secara khusus menyatakan sebaliknya;
- anda secara rasmi menolak pelantikan sebagai Penerima Kuasa; atau
- anda kekurangan keupayaan mental.

Kuasa yang diberikan oleh LPA juga akan dibatalkan jika LPA melantik lebih daripada seorang Penerima Kuasa untuk bertindak bersama dan kuasa pada salah seorang Penerima Kuasa itu dibatalkan.

Walau bagaimanapun, kuasa yang diberikan oleh LPA tidak akan dibatalkan dan tetap menjadi sah sekiranya terdapat Pengganti Penerima Kuasa yang dilantik di bawah LPA atau terdapat satu atau lebih Penerima Kuasa yang masih hidup yang dilantik untuk bertindak secara bersama atau berasingan dalam sebarang perkara.

C7. PENERIMA KUASA HARTA & URUSAN

Secara umumnya, seorang Penerima Kuasa harta & urusan membantu membuat keputusan bagi pihak Pemberi Kuasa berkaitan dengan perkara seperti urus niaga akaun bank dan harta benda beliau.

Apakah kuasa, tugas, dan tanggungjawab saya?

Jenis keputusan yang anda mungkin diberi kuasa untuk membuat termasuk:

- menguruskan harta benda – membeli, menjual, menyewa dan menggadai janji harta benda;
- membuka, menutup dan mengendalikan akaun bank;
- menerima dividen, pendapatan, faedah pewarisan atau pendapatan hak kewangan lain bagi pihak Pemberi Kuasa;

- menguruskan hal-hal cukai;
- membayar sewa, pembayaran balik gadai janji dan perbelanjaan isi rumah;
- membantu melaburkan wang Pemberi Kuasa; dan
- membeli kenderaan atau peralatan lain yang diperlukan oleh Pemberi Kuasa.

Senarai di atas mengandungi beberapa contoh jenis keputusan dan tindakan yang boleh dibuat oleh anda tetapi ia bukan senarai lengkap.

C8. APA YANG BOLEH DAN TIDAK BOLEH SAYA LAKUKAN SEBAGAI PENERIMA KUASA HARTA & URUSAN?

Boleh lakukan

Anda memainkan peranan penting dalam melaksanakan tugas di bawah LPA.

Anda mesti mengikuti set peraturan yang sama seperti seorang Penerima Kuasa kebajikan diri dalam bahagian C3. Selain itu, anda mesti:

- menyimpan akaun, dan
- menyimpan wang dan harta Pemberi Kuasa secara berasingan daripada akaun peribadi anda.

Tidak boleh lakukan

Anda hanya boleh membuat keputusan bagi pihak Pemberi Kuasa jika Pemberi Kuasa kekurangan keupayaan, atau jika anda percaya secara wajar bahawa Pemberi Kuasa kekurangan keupayaan untuk membuat keputusan tersebut.

Untuk melindungi Pemberi Kuasa, undang-undang tidak membenarkan anda membuat keputusan berikut bagi pihak Pemberi Kuasa:

Wasiat, insurans, dan perkara berkenaan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)

- Menjadi seorang Penerima Kuasa tidak secara automatik memberi hak kepada anda untuk melaksanakan wasiat Pemberi Kuasa.
- Anda tidak boleh melakukan mana-mana daripada perkara berikut bagi pihak Pemberi Kuasa:
 - membuat atau membatalkan penamaan bagi polisi insuransnya; atau
 - membuat atau membatalkan penamaan bagi akaun CPFnya.

Hadiah

- Anda tidak boleh memberikan hadiah daripada harta benda Pemberi Kuasa melainkan Pemberi Kuasa secara khusus membenarkan anda berbuat demikian dalam LPAnya.
- Jika Pemberi Kuasa memberi kebenaran kepada Penerima Kuasa untuk memberikan hadiah, Pemberi Kuasa boleh menyatakan nilai hadiah atau jenis hadiah yang akan diberikan dalam LPA.
- Jika Pemberi Kuasa tidak secara khusus menyatakan nilai hadiah semasa memberikan hadiah, anda:
 - mesti mengambil kira bahawa nilai hadiah adalah wajar, dengan mengambil kira semua keadaan, khususnya, saiz harta Pemberi Kuasa, dan
 - mesti mengambil kira prinsip bahawa harta Pemberi Kuasa harus dipelihara untuk keperluan Pemberi Kuasa sepanjang kehidupannya.

C9. BILA KUASA SAYA SEBAGAI PENERIMA KUASA HARTA & URUSAN BERAKHIR?

Pelantikan anda akan dibatalkan sekiranya:

- Pemberi Kuasa atau anda meninggal dunia;
- Pemberi Kuasa atau anda jatuh muflis;
- Anda sebuah syarikat amanah yang lesennya telah tamat tempoh atau dibatalkan atau sedang dibubarkan, dihentikan operasi, ditutup, atau di bawah pengurusan kehakiman;
- perkahwinan antara Pemberi Kuasa dan anda dibubarkan atau dibatalkan melainkan LPA secara khusus menyatakan sebaliknya;
- anda secara rasmi menolak pelantikan sebagai Penerima Kuasa; atau
- anda kekurangan keupayaan mental.

Kuasa yang diberikan oleh LPA juga akan dibatalkan jika LPA melantik lebih daripada seorang Penerima Kuasa untuk bertindak bersama dan kuasa pada salah seorang Penerima Kuasa itu dibatalkan.

Walau bagaimanapun, kuasa yang diberikan oleh LPA tidak akan dibatalkan dan tetap menjadi sah sekiranya terdapat Pengganti Penerima Kuasa yang dilantik di bawah LPA atau terdapat satu atau lebih Penerima Kuasa yang masih hidup yang dilantik untuk bertindak secara bersama atau berasingan dalam sebarang perkara.

C10. SOALAN LAIN

Bolehkah saya menolak permintaan untuk dilantik sebagai Penerima Kuasa?

Ya, anda boleh menolak pelantikan sebagai Penerima Kuasa dalam OPGO dan Pemberi Kuasa akan menerima pemberitahuan melalui OPGO.

Bolehkah terdapat lebih daripada satu Penerima Kuasa?

Ya, Pemberi Kuasa boleh melantik satu atau lebih Penerima Kuasa.

Jika anda bertindak bersama dengan Penerima Kuasa lain, anda harus bersedia untuk bekerjasama agar perbezaan pendapat dapat diselesaikan secara damai, dan kebuntuan dapat dielakkan.

C11. BAGAIMANA SEORANG PENERIMA KUASA PATUT MEMBUAT KEPUTUSAN DAN BERTINDAK?

Berikut adalah cara Pemberi Kuasa boleh melantik lebih daripada satu Penerima Kuasa untuk membuat keputusan mengenai perkara yang sama:

- Bersama: Penerima Kuasa perlu bertindak secara bersama dan tidak boleh bertindak secara berasingan.
- Secara bersama dan berasingan: Penerima Kuasa boleh membuat keputusan secara bersama atau secara berasingan.

Jika lebih daripada satu Penerima Kuasa dilantik tetapi Pemberi Kuasa tidak menyatakan bagaimana mereka harus bertindak, kuasa undang-undang akan menganggap mereka sebagai bertindak secara bersama.

C12 BAGAIMANA SAYA AKAN DILINDUNGI SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA?

Sebagai Penerima Kuasa, anda diberikan perlindungan di bawah Akta Keupayaan Mental.

Jika anda bertindak seperti yang diarahkan dalam pelaksanaan kuasa anda, anda tidak akan menanggung sebarang liabiliti disebabkan ketiadaan kuasa tersebut kecuali pada masa bertindak, anda:

- mengetahui bahawa LPA belum dibuat, atau
- menyedari dalam apa jua keadaan, jika LPA telah dibuat, akan menamatkan kuasa anda untuk bertindak sebagai Penerima Kuasa.

Perkara di atas terpakai kepada semua Penerima Kuasa, sama ada anda bertindak secara individu, bersama-sama dan/atau secara berasingan.

BAHAGIAN D

APAKAH JENIS KEPUTUSAN YANG BOLEH SAYA BUAT SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA?

D1. APAKAH KEPUTUSAN YANG PERLU SAYA BUAT DAN BILAKAH SAYA PERLU MEMBUATNYA?

- a. Anda hanya boleh membuat keputusan bagi pihak Pemberi Kuasa jika Pemberi Kuasa kekurangan keupayaan untuk membuat keputusan tersebut.
- b. Anda hanya boleh membuat keputusan yang anda diberi kuasa untuk membuat di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA).
- c. Anda tidak boleh membuat sebarang keputusan bagi Pemberi Kuasa jika anda mengetahui:
 - Pemberi Kuasa tiada kekurangan keupayaan atau anda tidak berasa secara wajar bahawa Pemberi Kuasa mempunyai kekurangan keupayaan;
 - LPA tidak dibuat (contohnya, anda tahu Pemberi Kuasa mempunyai kekurangan keupayaan apabila Pemberi Kuasa menandatangani LPA); atau
 - keadaan yang akan menamatkan kuasa anda untuk bertindak sebagai Penerima Kuasa.

D2. BAGAIMANA SAYA TAHU BILA SAYA HARUS MASUK UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN?

Anda tidak seharusnya masuk untuk membuat keputusan walaupun selepas LPA didaftarkan, selagi Pemberi Kuasa masih mempunyai keupayaan mental. Anda boleh masuk untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak Pemberi Kuasa hanya apabila Pemberi Kuasa kehilangan keupayaan mentalnya dan berhenti membantunya apabila Pemberi Kuasa dapat menguruskan urusannya sendiri apabila keupayaan mentalnya kembali pulih.

D3. PERTIMBANGKAN SEBARANG PERANCANGAN PENJAGAAN AWAL (ACP) YANG TELAH DILAKUKAN OLEH PEMBERI KUASA

ACP adalah satu siri perbincangan sukarela yang mungkin dibuat oleh Pemberi Kuasa bersama penjaga kesihatannya sebelum kehilangan keupayaan mental.

Penerima Kuasa harus mempertimbangkan sebarang ACP yang telah dibuat oleh Pemberi Kuasa semasa membuat keputusan untuknya.

D4. BAGAIMANA SAYA BOLEH MENGGUNAKAN LIMA PRINSIP BERKANUN?

Prinsip-prinsip berkanun membantu individu melibatkan diri dalam proses membuat keputusan sejauh mana yang mungkin, dan melindunginya apabila dia tidak mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

Apabila membuat keputusan atau bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental, prinsip-prinsip ini harus dibaca bersama dengan peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental untuk memastikan agar tindakan atau keputusan yang wajar dapat diambil dalam setiap kes.

Prinsip 1: Anggapan mengenai keupayaan

Seseorang itu mesti dianggap berkeupayaan untuk membuat sesuatu keputusan bagi dirinya sendiri kecuali ada bukti bahawa beliau kurang keupayaan untuk membuat keputusan tersebut sewaktu ianya perlu dibuat.

Penilaian tentang kurang keupayaan seseorang itu tidak boleh dibuat berdasarkan rupa, usia, keadaan atau tingkah laku orang itu semata-mata. Oleh itu, mereka harus dibenarkan membuat keputusan mereka sendiri selagi mana yang mereka boleh.



KISAH SHANTI

Shanti Sandu ialah seorang janda berusia 66 tahun yang tinggal sendirian di sebuah apartmen tanpa lif. Anak-anak beliau terkorban dalam kemalangan lalu lintas kira-kira enam bulan lalu.

Dulu, Shanti pernah bercampur dengan masyarakat melalui kegiatan-kegiatan setempat dan menjadi sukarelawan dalam kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Penduduk. Sejak kemalangan itu, Shanti terus memencilkan diri.

Jawatankuasa blok Shanti akan menganjurkan ceramah kesihatan dan kegiatan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Pihak jawatankuasa sedang mempertimbangan untuk tidak melibatkan Shanti kerana mereka rasa beliau tidak berkeupayaan untuk memberi sumbangan dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan itu.

Pihak jawatankuasa penganjur tidak sepatutnya membuat andaian bahawa Shanti kurang keupayaan mental hanya kerana dia tinggal bersendirian dan tidak bercakap dengan sesiapa. Seseorang itu dianggap berkeupayaan kecuali jika terbukti sebaliknya. Jawatankuasa penganjur harus menimbangkan untuk menjemput Shanti. Jika dia mahu terlibat sama atau tidak adalah pilihannya.

Prinsip 2: Memberi segala bantuan seberapa yang boleh

Penjaga, ahli keluarga, Penerima Kuasa, Timbalan dan golongan profesional yang menjaga atau merawat seseorang yang mungkin mempunyai kesukaran dalam membuat sesuatu keputusan perlu mengambil semua langkah yang boleh untuk membantunya membuat keputusannya sendiri.

Apabila membantunya membuat keputusan, mereka tidak boleh mendesak atau memberi tekanan pada orang yang dibantu itu. Jenis sokongan yang patut diterimanya bergantung pada jenis keputusan yang perlu dibuat dan juga keadaannya.

Individu tersebut tidak harus membuat keputusan bagi pihak seseorang itu hanya kerana orang itu mempunyai kesukaran berkomunikasi. Sebaliknya, individu itu harus memberi sokongan, contohnya dengan menyediakan maklumat dalam bentuk yang mudah difahami seperti menggunakan gambar-gambar dan huruf-huruf besar dan berkomunikasi dengan cara berbeza seperti bahasa isyarat, Braille dan sebagainya.

 KISAH TIM

Beberapa pegawai polis terjumpa seorang lelaki pertengahan umur, Tim, yang tinggal di bawah jejambat Lebuhraya Rentas Pulau (PIE). Keadaannya sangat kotor dan terdapat luka besar di kakinya, seperti sudah terkena jangkitan. Mereka membawanya ke hospital.

Kakitangan hospital bertanya butir-butir peribadi dan saudara-maranya yang mereka boleh hubungi. Pertanyaan ini diajukan dengan menggunakan pelbagai bahasa, untuk membantunya berkomunikasi. Tim terus membisu dan enggan bekerjasama dengan doktor yang mahu memeriksa kecederaannya.

Doktor memberitahu jika lukanya tidak dirawat, Tim mungkin akan kehilangan kakinya sambil membuat pergerakan memotong pada kakinya agar dia faham tentang keadaan dirinya. Selepas itu Tim mula memberi perhatian dan mula tunjuk ke arah mulut dan kedua telinganya sambil mengelengkan kepalanya.

Seorang jururawat menyedari Tim mungkin pekak serta bisu. Jadi dia memberikannya kertas dan pen, dan memanggil seseorang yang tahu bahasa isyarat. Dia bertenang dan mulai berkomunikasi dengan kakitangan hospital secara bertulis.

Tim mungkin tidak dapat berkomunikasi secara lisan, tetapi itu tidak bermakna beliau tidak dapat membuat keputusan tentang rawatan ke atasnya. Pasukan perubatan tersebut melakukan tindakan yang tepat kerana mereka memberikan segala bantuan praktikal dahulu supaya beliau boleh membuat dan menyampaikan keputusannya.

Dalam keadaan kecemasan, contohnya, terdapat kecederaan serius akibat kemalangan, adalah tidak sesuai untuk mengambil terlalu banyak langkah bagi membantu seseorang itu untuk membuat keputusannya sendiri. Apa yang boleh dilakukan adalah untuk memaklumkan kepadanya tentang apa yang sedang berlaku dan mengapa prosedur-prosedur ini dilakukan.

Prinsip 3: Keputusan kurang bijak

Seseorang itu bebas untuk membuat keputusannya sendiri walaupun suatu keputusan itu kurang bijak pada pandangan orang lain. Ini memberi seseorang itu hak untuk membuat pilihannya sendiri. Hanya kerana sesuatu keputusan itu kurang bijak tidak bermakna orang tersebut telah hilang keupayaan mental.

Namun, terdapat perbezaan antara seseorang yang membuat keputusan kurang bijak (yang mungkin dilakukan ketika dia membuat keputusan) daripada membuat keputusan apabila dia kurang keupayaan untuk memahami, mengingat atau menggunakan maklumat yang perlu agar membuat keputusan tersebut.

Jika seseorang itu membuat beberapa keputusan yang pelik berbanding dengan tingkah lakunya yang biasa atau membuat keputusan-keputusan yang menjadikan dia mudah untuk diperalatkan atau yang mendatangkan mudarat, maka pemeriksaan lanjut ke atas keupayaannya harus dijalankan.



KISAH AH HUAT

Ah Huat berusia 73 tahun. Beliau seorang duda dan tinggal bersendirian. Minggu lepas, seorang pemasang tingkap bernama Paul melawat Ah Huat di rumahnya. Paul meyakinkan Ah Huat untuk menukar tingkap di bilik mandinya kerana ia berkarat. Keesokan harinya, Paul kembali dan menasihati Ah Huat untuk menukar tingkap-tingkap di bilik tidurnya. Paul mengenakan bayaran sebanyak \$500 kepada Ah Huat.

Ah Seng, anak lelaki Ah Huat, berasa bimbang dengan ayahnya. Ah Huat biasanya berhati-hati dengan wangnya kerana dia sudah bersara.

Paul kembali untuk kali ketiga dan Ah Huat bersetuju untuk menukar semua tingkap di flatnya untuk \$1500. Ah Seng, yang memeriksa semua tingkap sebelumnya, menyedari bahawa tingkap-tingkap masih dalam keadaan baik dan tidak perlu ditukar. Beliau percaya bahawa Paul telah mengambil kesempatan ke atas bapanya dan tertanya-tanya sama ada Ah Huat mampu membuat keputusan pembelian yang sama.

Ah Huat menjelaskan bahawa dia ingin kesemua tingkap digantikan serentak kerana dia menerima tawaran yang lebih baik. Dia percaya dalam tempoh setahun dua lagi kesemua tingkap perlu ditukar.

Ah Seng tidak sepatutnya beranggapan bahawa, Ah Huat, kurang keupayaan mental hanya kerana dia berusia 73 tahun dan ingin menukar semua tingkap di flatnya. Jika bentuk tingkah laku Ah Huat yang biasa bertukar secara menerus dan menimbulkan kebimbangan, barulah Ah Seng perlu mempertimbangkan agar keupayaan mental bapanya perlu diperiksa oleh doktor.

Prinsip 4: Kepentingan terbaik

Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu mestilah dilakukan demi kepentingannya. Sama ada keputusan yang dibuat adalah yang terbaik untuk seseorang itu, semuanya bergantung pada keadaan kes tersebut.



KISAH RON

Kevin Khoo dan isterinya, Sally Lee, mempunyai tiga orang anak. Ron, anak sulung mereka yang berusia 23 tahun, mengalami kekurangan upaya intelektual dan bekerja di sebuah bengkel tertutup yang dikendalikan oleh sebuah badan kebajikan.

Badan kebajikan berkenaan juga mempunyai program yang menawarkan tempat tinggal sementara untuk orang seperti Ron belajar kemahiran hidup asas untuk kehidupan yang lebih berdikari. Dengan sedikit sokongan, mereka juga diajar bagaimana untuk menggunakan pengangkutan awam. Kemahiran-kemahiran hidup sebegini membantu mereka menjadi lebih sesuai untuk pekerjaan secara terbuka.

Terdapat tempat kosong di dalam program tumpangan tersebut dan para pekerja sosial daripada badan kebajikan itu menyarankan agar Ron menerima tawaran itu.

Kevin dan Sally sedar yang Ron ingin menjadi lebih berdikari. Tetapi, mereka bimbang sekiranya Ron menerima tawaran itu, mereka tidak akan dapat menjaganya dan kurang masa untuk dihabiskan bersama.

Jika Ron mempunyai keupayaan mental untuk membuat keputusan tentang program kediaman itu, maka Kevin dan Sally tidak sepatutnya membuat keputusan untuknya. Jika Ron tidak mempunyai kemampuan untuk membuat keputusan ini, Kevin dan Sally harus ingat bahawa mereka perlu membuat keputusan demi kepentingan Ron dan bukan kepentingan mereka sendiri.

Prinsip 5: Kurang sekatan

Apabila bertindak atau membuat keputusan bagi pihak orang yang kurang keupayaan, tindakan atau keputusan yang diambil haruslah sesuatu yang kurang membataskan hak dan kebebasan orang itu untuk bertindak.

Pilihan untuk kurang bersikap menyekat ini sering merupakan pilihan yang terbaik demi kepentingan orang tersebut.

Kadangkala, ia termasuk pilihan untuk tidak melakukan apa-apa tindakan atau keputusan. Segala tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat, atau keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan, hendaklah dilakukan demi kepentingan orang tersebut.



KISAH AH MEI


Ah Mei tinggal bersama ibunya, Puan Kwong Siew Moi, 80 tahun, yang menghidap demensia.

Apabila Ah Mei keluar bekerja, beliau mengunci ibunya di dalam bilik untuk mengelak ibunya dari tercedera atau berjalan-jalan tanpa tujuan. Beliau menyiapkan makan minum untuk ibunya dan diletakkan di dalam bilik. Puan Kwong memakai lampin orang dewasa.

Setiap petang, apabila Ah Mei pulang ke rumah, beliau akan memandikan dan memberikan ibunya makan. Walaupun Ah Mei bertindak sebagai anak yang patuh dan prihatin akan keselamatan ibunya, namun cara penjagaan sebegini tidak mengikut prinsip pilihan kurang sekatan.

Beliau harus mengaturkan bentuk penjagaan lain yang lebih sesuai, umpamanya, menempatkan Puan Kwong di pusat demensia jagaan siang.

Jika terdapat lebih dari satu pilihan, maka semua pilihan-pilihan itu mesti dipertimbangkan dan keputusan yang diambil haruslah ditentukan berdasarkan kedua-dua prinsip iaitu prinsip demi kepentingan diri dan prinsip pilihan kurang sekatan.



BAHAGIAN E

APA YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN?

E1. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN?

Sekiranya berlaku pertikaian, anda harus menggunakan kaedah berikut:

Komunikasi yang berkesan

Kadang-kadang, pertikaian disebabkan oleh kegagalan dalam berkomunikasi atau salah faham. Adalah baik jika diadakan mesyuarat kepentingan terbaik di mana individu berbeza boleh berkumpul untuk membincangkan pandangan mereka dan bagaimana ini boleh mempengaruhi kepentingan terbaik individu yang mempunyai kekurangan keupayaan. Semua pihak harus berusaha untuk mendengar satu sama lain dan menjawab pertanyaan dan kebimbangan bersama-sama.

Pengantaraan

Ini adalah kaedah yang baik untuk menyelesaikan pertikaian yang sedang berkembang atau pada peringkat awal. Ia kos efektif, cepat, dan kurang tertekan daripada menghadiri mahkamah. Pihak ketiga bebas (pengantara) akan menentukan sama ada pertikaian itu sesuai untuk pengantaraan. Pengantara membantu semua pihak mengkaji pandangan masing-masing melalui perbincangan dan memberi tumpuan kepada kepentingan terbaik individu yang kekurangan keupayaan dan bukannya menyetujui segala pandangan pihak tersebut.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengantaraan, hubungi:

Pusat Pengantaraan Singapura

1 Supreme Court Lane

Level 4

Singapore 178879

Laman web: www.mediation.com.sg

Tel: 6332 4366

Pusat Pengantaraan Masyarakat

45 Maxwell Road

#07-11, The URA Centre (East Wing)

Singapore 069118

Laman web: cmc.mlaw.gov.sg

Tel: 1800 225 5529

Mengunjungi Pusat Khidmat Keluarga (FSC)

Anda juga boleh mempertimbangkan untuk mengunjungi FSC di kawasan kejiranan anda untuk mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai isu-isu berkaitan dengan keluarga. FSC mempunyai kaunselor dan pekerja sosial terlatih untuk membantu individu dan keluarga dalam menyelesaikan masalah hubungan mereka. FSC juga merupakan titik permulaan kepada sumber masyarakat dan kerajaan untuk membantu individu dan keluarga. Untuk mencari FSC yang terdekat dengan rumah anda, sila lungsur www.msf.gov.sg/dfcs/familyservice/default.aspx.



KISAH HALIMAH

Halimah Hakim adalah seorang wanita berumur 72 tahun yang menghidap demensia tahap lanjutan. Beliau tinggal bersama-sama anaknya, Anwar dan isterinya, Nora serta dua orang anak kecil mereka di sebuah rumah berkembar. Halimah mempunyai dua lagi anak dewasa, Azlan dan Adam. Anwar dan isterinya bekerja sepenuh masa. Mereka mengambil seorang pembantu untuk menjaga Halimah semasa mereka keluar bekerja.

Anwar dan Nora akan menyambut anak ketiga dalam masa enam bulan. Mereka ingin memasukkan Halimah ke rumah penjagaan kerana mereka rasa mereka tidak ada bilik yang cukup di rumah mereka untuk Halimah apabila anak mereka lahir kelak. Tetapi Azlan dan Adam tidak setuju dengan Anwar. Namun, mereka juga tidak bersedia mengambil Halimah untuk tinggal bersama mereka. Mereka tetap mahu Anwar meneruskan dengan susun atur sekarang.

Halimah telah membuat Surat Kuasa Berkekalan yang sah untuk kebajikan dirinya ketika dia ada keupayaan. Beliau telah melantik ketiga-tiga anaknya sebagai Penerima Kuasa.

Anwar, Azlan dan Adam perlu mencari jalan keluar untuk menyelesaikan perbezaan pendapat mereka serta berbincang untuk membuat pilihan yang terbaik tentang di mana Halimah harus tinggal. Jika mereka tidak dapat jumpa jalan penyelesaian, mereka boleh cuba pengantaraan. Apa juga keputusan yang mereka buat, kepentingan ibu mereka perlu diutamakan.

Pertikaian dengan pihak Profesional

Kaedah-kaedah bagi menyelesaikan pertikaian dengan kakitangan penjagaan kesihatan, para pekerja sosial dan profesional yang lain termasuklah:

- a. Mendapatkan pandangan yang kedua (untuk hal-hal perubatan dan undang-undang)
 - Kadangkala seseorang ahli keluarga mungkin tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh seseorang penerima kuasa bagi seseorang yang kurang keupayaan berdasarkan pada nasihat perubatan yang diberikan oleh doktor individu tersebut. Mereka mungkin boleh menyelesaikan pendapat berbeza mereka dengan mendapatkan pandangan kedua daripada seorang lagi doktor.
 - Ini juga boleh diguna pakai bagi hal undang-undang. Contohnya, seorang penerima kuasa bagi harta benda dan urusan mahu bertindak mengikut cara tertentu selepas mendapatkan nasihat undang-undang yang diberikan oleh peguamnya. Penerima kuasa yang seorang lagi tidak setuju dengan nasihat ini. Percanggahan pendapat mereka mungkin boleh diselesaikan dengan mendapatkan pandangan kedua daripada peguam yang lain.
- b. Sidang perbincangan
 - Sidang perbincangan ini membolehkan semua pihak dalam pertikaian tadi berjumpa dan berbincang tentang perkara tersebut. Kakitangan penjagaan kesihatan dan para profesional yang lain perlu menerangkan dengan jelas pilihan-pilihan yang ada, sambil memberi pandangan dan alasan untuk menyokong perkara tersebut.
 - Berjumpa dengan kakitangan perubatan kanan. Kakitangan perubatan kanan boleh dijemput untuk memberikan pandangan kedua.
 - Memberi ahli keluarga berkenaan masa untuk berfikir mengenai perkara tersebut. Pilihan ini hanya digunakan jika ia bukan situasi kecemasan.
 - Membuat aduan secara rasmi. Apabila membuat aduan terhadap seorang pegawai kesihatan profesional, anda perlu menghubungi:
 - majikan pegawai kesihatan profesional itu, dan
 - lembaga, majlis atau persatuan profesional yang mewakili bidang berkenaan.

BAHAGIAN F

DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Berikut adalah senarai organisasi yang boleh memberi maklumat atau bantuan mengenai perkara yang berkaitan dengan individu yang tidak mempunyai keupayaan mental:

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman web
Demensia Singapura	6377 0700	20 Bendemeer Road #01-02 BS Bendemeer Centre Singapore 339914	dementia.org.sg
Pejabat Pesuruhjaya Penyerahan Ibu Bapa	1800 111 2222	8 Lengkok Bahru #02-01, Family Link @ Lengkok Bahru Singapore 159052	msf.gov.sg/ maintenanceofparents
Pusat Pengantaraan Masyarakat	1800 225 5529	45 Maxwell Road, #07-11, The URA Centre (East Wing) Singapore 069118	cmc.mlaw.gov.sg
Pusat Khidmat Keluarga	-	-	www.msf.gov.sg/dfcs/ familyservice/default. aspx
Institut Kesihatan Mental	6389 2000	Buangkok Green Medical Park, 10 Buangkok View, Singapore 539747	www.imh.com.sg
Pusat Pengantaraan Singapura	6252 4226	1 Supreme Court Lane Level 4 Singapore 178879	www.mediation. com.sg
Agensi Penjagaan Bersepadu	1800 650 6060	-	www.aic.sg
Biro Bantuan Guaman	1800 225 5529	Ministry of Law Services Centre 45 Maxwell Road #07-11 The URA Centre (East Wing) Singapore 069118	lab.mlaw.gov.sg
Persatuan Undang-Undang Singapura	6538 2500	28 Maxwell Road #01-03 Maxwell Chambers Suites Singapore 069120	www.lawsociety. org.sg

GLOSORI

Kepentingan Terbaik

Para pembuat keputusan berkewajipan untuk mempertimbangkan banyak faktor yang memberi tumpuan kepada apa yang terbaik untuk orang kurang keupayaan sebelum membuat sesuatu keputusan bagi pihaknya. Untuk maklumat lanjut, rujuk Bab 6 di dalam Tata Amalan.

Tata Amalan

Tata Amalan menyokong Akta Keupayaan Mental (Akta) dan memberikan penjelasan lanjut tentang bagaimana Akta ini harus diamalkan.

Pembuat keputusan

Pembuat keputusan ialah individu atau orang yang membuat keputusan bagi pihak mereka yang kurang keupayaan. Mereka termasuklah para pemberi jagaan, jururawat, doktor, Penerima Kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan para timbalan yang dilantik oleh mahkamah.

Pemberi Kuasa

Orang yang sekurang-kurangnya berumur 21 tahun, dan yang membuat satu Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dengan melantik Penerima Kuasa untuk menjaga kebajikan peribadinya dan/atau hal-hal harta benda & urusan jika beliau hilang keupayaan mentalnya suatu hari nanti.

Penerima Kuasa

Penerima Kuasa, yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun, dilantik oleh Pemberi Kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka dalam hal kebajikan diri dan/atau harta benda & urusan apabila Pemberi Kuasa kehilangan keupayaan mental untuk menguruskan urusan mereka sendiri.

Secara bersama

Para Penerima Kuasa perlu bertindak secara bersama dan bersetuju dalam semua keputusan.

Secara bersama dan berasingan

Para Penerima Kuasa boleh membuat keputusan bersama-sama atau secara berasingan.

Surat Kuasa Berkekal (LPA)

Ia adalah dokumen undang-undang sah yang membolehkan seorang Pemberi Kuasa secara sukarela melantik satu atau lebih Penerima Kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihaknya sekiranya beliau kehilangan keupayaan untuk membuat keputusan sendiri.

Rawatan mengekalkan hayat

Rawatan mengekalkan hayat ialah rawatan yang, dalam pandangan individu yang menyediakan penjagaan kesihatan, diperlukan untuk mengekalkan kehidupan seseorang.

Pengantaraan

Pengantaraan adalah satu cara untuk menyelesaikan pertikaian. Pihak ketiga yang bebas, dikenali sebagai pengantara, membantu pihak-pihak tersebut untuk mengkaji pandangan masing-masing melalui perbincangan.

Keupayaan mental

Keupayaan mental ialah kemampuan seseorang untuk membuat suatu keputusan tertentu pada waktu yang tertentu.

Pejabat Penjaga Awam

Pejabat Penjaga Awam mempunyai tanggungjawab yang luas dalam rangka kerja Akta Keupayaan Mental. Ini termasuk menyimpan daftar LPA, menyelia para timbalan dan menyiasat dakwaan-dakwaan tentang penganiayaan.

Pejabat Sistem Dalam Talian Penjaga Awam (OPGO)

OPGO adalah platform dalam talian yang ringkas, selamat dan mudah digunakan untuk urusan dengan OPG. Urusan yang terdapat di OPGO termasuk memohon LPA dan menyerahkan laporan Timbalan. Lawati OPGO di sini: <https://opg-eservice.msf.gov.sg>.

Skim Timbalan Profesional dan Penerima Kuasa (PDD)

Skim PDD menyokong individu yang mempunyai aset sederhana sehingga banyak, dan yang mungkin tidak mempunyai ahli keluarga atau rakan rapat yang boleh dipercayai untuk menjadi wakil pembuat keputusan mereka. Ini dilakukan dengan melantik Timbalan Profesional untuk menjadi Penerima Kuasa mereka melalui LPA, atau sebagai Timbalan melalui perintah Mahkamah.

Penerima Kuasa kebajikan diri

Seseorang Penerima Kuasa kebajikan diri adalah individu yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) oleh Pemberi Kuasa untuk membuat keputusan demi kebajikan diri bagi pihak Pemberi Kuasa yang kurang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri. Keputusan kebajikan diri adalah keputusan berkaitan dengan gaya hidup seperti di mana Pemberi Kuasa harus tinggal dan siapa yang boleh atau tidak boleh menghubungi Pemberi Kuasa.

Penerima kuasa untuk harta benda & urusan

Seseorang penerima kuasa untuk harta benda dan urusan adalah individu atau syarikat pemegang amanah berlesen di bawah Akta Amanah Syarikat (Bab 336) seperti yang ditetapkan oleh Peraturan Keupayaan Mental, yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) oleh pemberi kuasa untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan harta benda dan urusan apabila pemberi kuasanya kurang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri.

Menahan/Sekatan

Pengawalan adalah penggunaan, atau ugutan untuk menggunakan kekerasan oleh seseorang untuk memastikan kepatuhan dalam melakukan sesuatu tindakan yang ditentang oleh individu tersebut, atau menyekat kebebasan pergerakan individu, sama ada individu itu menentang atau tidak. Seseorang boleh dikawal tanpa menggunakan kekerasan fizikal atau ugutan kekerasan fizikal.

Prinsip-prinsip berkanun

Terdapat lima prinsip berkanun di bawah Akta Keupayaan Mental yang mesti dipatuhi oleh setiap orang ketika berurusan dengan orang yang kurang atau mungkin kurang keupayaan mental.

Keputusan kurang bijak

Ini merujuk kepada salah satu daripada prinsip-prinsip berkanun. Seseorang yang mempunyai keupayaan mental berhak untuk membuat keputusan kurang bijak pada pandangan orang lain. Tidak bermakna seseorang itu telah hilang keupayaan mentalnya hanya kerana keputusan yang dibuat itu kurang bijak.



PEJABAT PENJAGA AWAM

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga
3 Bishan Place
#03-00
CPF Bishan Building
Singapore 579838

Talian hotline: 1800 111 2222

E-mel: enquiry@publicguardian.gov.sg

Laman web: msf.gov.sg/opg

Edisi November 2022